

Puji Hospital Kajang

PADA 28 Mei lalu, ibu kami yang berumur 75 tahun telah dimasukkan di Hospital Kajang kerana tapak kakinya tertusuk papan lantai rumah akibat terjatuh di kampung. Lebih memburukkan lagi keadaan, ibu kami menghidap diabetes.

Apa yang kami lalui semasa proses pendaftaran untuk ibu bertemu doktor, urusan *x-ray*, pendaftaran ke wad dan sebagainya, semua berjalan lancar walaupun ketika itu agak ramai pesakit lain.

Perkhidmatan cemerlang ini berterusan lagi semasa ibu kami ditempatkan di wad 4, katil 42 pada hari yang sama. Walaupun pada ketika itu, wad 4 terlalu ramai pesakit namun layanan daripada para doktor, jururawat dan pelatih-pelatih jururawat daripada UPM dan MAHSA dengan diawasi oleh pegawainya serta pengawal keselamatan amat baik sekali terhadap ibu saya dan juga ke-

pada kami sekeluarga.

Dengan penuh hormat, mereka memberi rawatan dan layanan yang cemerlang sehingga kami merasakan Hospital Kajang terutamanya wad 4 adalah salah sebuah hospital kerajaan dan wad yang terbaik pada kami.

Pernah kami terlihat dan terpegun dengan seorang jururawat sedang menyuap nasi kepada pesakit yang agak kritikal keadaannya.

Sedar tak sedar, selama 42 hari ibu kami berada di wad 4, Hospital Kajang dengan menghadapi dua kali pembedahan membuang isi-isi tapak kaki yang rosak sehinggalah pada tarikh 8 Mei, ibu dibenarkan keluar.

Jasa Dr. Noorul Hashimah, Dr. Azmeen, Dr. Teh, serta semua staf di Wad 4 Hospital Kajang tetap di dalam ingatan kami sekeluarga.

KELUARGA RABIA UJANG

Semenyih, Selangor UTUSAN
5/6/09